



## MAJLIS PERASMIAN TAKLIMAT GARIS PANDUAN KESELAMATAN KEBAKARAN *FOOD TRUCK*.



Pada 26 September 2019, Dato' Sri Haji Mohammad Bin Mentek, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah merasmikan taklimat garis panduan keselamatan kebakaran *food truck* di Putrajaya. Turut hadir dalam perasmian ini Datuk Haji Zamri Bin Salleh, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) serta Datuk Azhar Bin Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar).

Garis panduan keselamatan kebakaran *food truck* akan dicadangkan bagi mewajibkan setiap pengusaha *food truck* untuk mematuhi peraturan ini sebelum dibenarkan beroperasi. Hal ini bagi mengelakkan berlakunya kemalangan yang melibatkan penggunaan bahan api yang tidak dikawal rapi. Dato' Sri Mohammad Bin Mentek menjelaskan bahawa pematuhan terhadap garis panduan yang telah disediakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sangat penting sebagai langkah pencegahan kebakaran dalam kalangan *food truck*, sekelilingnya, pelanggan serta kenderaan berhampiran.



Sembilan (9) kebakaran yang melibatkan *food truck* telah direkodkan dalam tempoh 2017 hingga Ogos tahun ini yang mana punca kebakaran ialah kedudukan tong gas memasak yang berdekatan dengan generator. Dato' Sri Mohammad Mentek menegaskan bahawa selain mendapat maklum balas daripada persatuan

pengusaha *food truck*, KPKT juga akan berbincang dengan agensi berkaitan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KDN) dan Hal Ehwal Pengguna dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berhubung mewajibkan pematuhan garis panduan itu. Beliau juga mencadangkan agar mematuhi garis panduan ini sebagai syarat lesen perniagaan. Walau bagaimanapun buat masa sekarang, Kerajaan dan PBT menggalakkan peniaga *food truck* mematuhi garis panduan ini.

**Sumber: Unit Komunikasi Korporat**